

Rabu | 19 September 2018

[BERNAMA.com Xtra](#) : [Langgan](#) | [Log Masuk](#)

# Pastikan Benar

# Bernama.com

MENU

≡

## Aplikasi WF+ Mesiniaga tarik 1,000 pekerja bergerak

Tarikh kemaskini: 18/09/2018



KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Aplikasi Mesiniaga Workforce plus (WF+) yang diperkenalkan Mesiniaga Bhd untuk membolehkan organisasi menguruskan dan mengoptimalkan produktiviti kini membantu lebih 1,000 pekerja bergerak di Malaysia.

Pengurus Besar (Produk dan Penyelesaian) Eric Foo berkata WF+ membantu meningkatkan fungsi lokasi, status penggunaan dan ketersediaan sumber, penghantaran tugas, borang digital dan ciri-ciri lain yang boleh disesuaikan mengikut keperluan organisasi.

"Aplikasi WF+ akan membuatkan organisasi lebih bersedia untuk meningkatkan produktiviti melalui keupayaan kebolehlihatan, pendigitalan dan automasi.

"Penyelesaian ini memberikan lapisan kebolehlihatan yang tidak tertanding dalam operasi sehari-hari di mana ia memastikan komunikasi berkenaan pengalaman dan maklumat di lapangan dilaporkan ke pejabat tepat pada masanya dan dengan itu mengurangkan keperluan laporan kerja manual," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, selain WF+, Mesiniaga akan terus meningkatkan penawaran perkhidmatan perisian 'SaaS' melalui kerjasama dengan penyedia aplikasi strategik sebagai perkhidmatan tambahan kepada perkhidmatan pengkomputeran awan dan bidang keselamatan siber yang ditawarkan.

"Melalui misi 'Membantu Pelanggan Berjaya', kami komited untuk menyokong perjalanan transformasi digital pelanggan dan memastikan tahap produktiviti terbaik untuk para pekerja bergerak melalui pendigitalan dan automasi," katanya.

Mesiniaga menyediakan penyelesaian dan perkhidmatan IT dengan sokongan pelbagai syarikat teknologi antarabangsa yang terkenal sejak ditubuhkan pada 1981.

-- BERNAMA

### Berita Utama Terdahulu

- KLIA antara lima lapangan terbang utama paling terhubung di Asia Pasifik
- SPRM papar senarai pengisytiharan harta pemimpin kerajaan bermula 1 Okt
- KKM siasat kandungan lain dalam minuman keras yang akibatkan 19 maut
- Anifah sah tinggalkan UMNO
- Isu bangunan terbiar akan diselesaikan dalam masa terdekat - Perbadanan Labuan